

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 61

Baki-baki Boon Enterprise adalah seperti berikut:

Boon Enterprise					
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Julai 2016					
	RM	RM		RM	RM
Kenderaan		80,500	Modal	100,000	
Mesin		12,600	(+) Untung bersih	22,900	122,900
Inventori		22,000	Akaun belum bayar		
Akaun belum terima		12,900			16,500
Bank		10,400			
Tunai		1,000			
		139,400			139,400

Urus-urus niaga berikut telah tertinggal daripada rekod perakaunan:

1. Ambilan cek oleh pemilik RM800 untuk tujuan promosi perniagaan.
2. Bayar cek kepada akaun belum bayar RM3,400 dan menerima diskaun sebanyak RM100.
3. Pemilik menyumbangkan sebuah mesin bernilai RM12,000 untuk kegunaan perniagaan.
4. Jualan 20% daripada inventori kepada Santori Trader pada harga RM9,200 secara kredit.
5. Bayar gaji secara cek kepada seorang operator mesin RM1,500.
6. Bayar tunai untuk utiliti dan belanja runcit berjumlah RM360 dan RM240 masing-masing.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Boon Enterprise selepas mengambil kira semua urus niaga yang tertinggal daripada rekod perakaunan.